

**PENANGANAN MASALAH PELARIAN ROHINGYA
DI MALAYSIA DALAM KONTEKS *HYBRID PEACE*
DAN PENDEKATAN *MULTI-TRACK***

AIZAT BIN KHAIRI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2018

**PENANGANAN MASALAH PELARIAN ROHINGYA
DI MALAYSIA DALAM KONTEKS
HYBRID PEACE DAN PENDEKATAN
*MULTI-TRACK***

oleh

AIZAT BIN KHAIRI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Jun 2018

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam. Selawat dan salam untuk junjungan besar Nabi Muhammad yang sentiasa mengasihi semua umat Islam. Perjalanan sebagai calon doktor falsafah dalam bidang Sains Politik (Konflik dan Perdamaian) di Unit Penyelidikan dan Pendidikan untuk Perdamaian (REPUSM), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM) penuh dengan cabaran dan dugaan. Penyelidik sangat-sangat bersyukur kerana rahmat dan kuasa Allah telah memberi kekuatan serta semangat untuk menyelesaikan pengajian ini.

Usaha untuk menyelesaikan pengajian peringkat doktor falsafah di USM tidak akan berjaya tanpa bantuan dan bimbingan daripada ‘Tok Guru’ penyelidik iaitu Profesor Dr. Kamarulzaman Askandar selaku penyelia utama. Beliau sentiasa sabar dan tidak pernah jemu untuk membantu serta memberi nasihat berguna kepada penyelidik dalam usaha menyelesaikan pengajian ini. Selain itu, beliau turut berperanan sebagai *motivator* kehidupan kepada penyelidik agar menjadi seorang insan yang berupaya memberi sumbangan kepada bangsa, agama dan negara. Jasa beliau kepada penyelidik adalah tidak terbalas. Penyelidik berdoa agar beliau sentiasa dikurniakan kesihatan yang baik dan hidup bahagia sentiasa. *You are the Best Prof.!*

Penyelidik turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada ibu tercinta di kampung iaitu Puan Che Yang Haji Ahmad kerana membesarkan penyelidik dengan penuh kesabaran dan kasih sayang. Beliau juga tidak putus-putus mendoakan kejayaan penyelidik untuk menyelesaikan pengajian ini. Semoga Allah membalas jasa beliau dengan rahmat dan syurga. Tesis ini juga diabadikan buat arwah ayah iaitu Haji Khairi Haji Hussain yang telah pulang menemui pencipta-Nya pada tahun 2006. Semoga

rohnya ditempatkan di kalangan orang Soleh. (Al-Fatihah). Tesis ini turut didedikasikan kepada isteri penyelidik iaitu Puan Nor Huda Haji Rifai kerana sentiasa sabar dan memahami cabaran yang dihadapi oleh penyelidik untuk menyelesaikan pengajian ini. Buat anak-anak yang dikasihi iaitu Ahmad Afi, Nur Aisyah dan Ahmad Ali, semoga ia menjadi pendorong dan perangsang untuk kalian berjaya di dunia dan akhirat. Buat adik-adikku Aimi dan Al-Amin, semoga berjaya dalam segala bidang yang diceburi. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih kepada ayah dan ibu mentua, ipar, saudara, sepupu dan rakan-rakan yang sentiasa mendoakan serta memberi sokongan kepada penyelidik.

Buat keluarga besar *Peace Unit*, jutaan terima kasih kepada Pn. Norazrina (Kak Ina), Azman, Mior, Zul, Haekal, Dewi Karina (Rin), Puan (Dr.) Ayesah, Abang (Dr.) Na'eim, Abang (Dr.) Aziz, Pak (Dr.) Yatno, Pak (Dr.) Suadi, Pak (Dr.) Afrizal, Pak Din, Pak Mus, Abe Khosaleh, Abe Phaison, Kumpee, Pok Nik, Dr. Osantha, Dr. Lela dan ramai lagi berjuang bersama-sama termasuklah rakan-rakan USM dan di kampung. Kehadiran kalian semua memberi keceriaan dalam kehidupan penyelidik. Tidak dilupakan Dekan Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Profesor Dr. Azlinda Azman, Encik Aziz, Kak Lina dan lain-lain kerana membantu melancarkan urusan penyelidik.

Penyelidik tidak akan melupakan jasa responden yang sudi memberikan kerjasama untuk ditemubual semasa menjalankan kajian lapangan. Ramai responden telah ditemui oleh penyelidik terdiri daripada pelbagai aktor seperti pihak kerajaan iaitu Encik Hamzah dan Dr. Nazira daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN Putrajaya), Encik Abdul Munir dan Cik Atikah dari Bahagian Hal Ehwal Imigresen, Kementerian Dalam Negeri, Tuan Zuhair selaku Pengarah Imigresen Negeri Kedah, Tuan Amir selaku Pengarah Depot Tahanan Imigresen Belantek, pegawai Imigresen, Dato' Tan, Komander Nasir dan Kepten Soharto dari Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia

(APMM), Pegawai dan Doktor perubatan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia, wakil daripada pihak Polis dan pegawai agama dari JAKIM serta JAIS.

Terima kasih buat pegawai dan petugas daripada UNHCR Malaysia kerana memberikan kerjasama dan maklumat yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada ahli akademik yang ditemubual seperti Dr. Na'eim Ajis dan Dr. Che Mohd Aziz dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Profesor Dr. Azizah Kassim dan Dr. Andika Wahab dari IKMAS, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Profesor Dr. Kamarulzaman Askandar dari USM yang turut menjadi responden kepada penyelidik. Terima kasih juga kepada wakil-wakil NGO yang ditemui seperti MAPIM, Muslim Aid, Human Aid, Kelab Bina Damai, JREC, MRA, ABIM, IRM, MyCare, PERKIM, CENTHRA, Humaniti dan ARC atas kesudian meluangkan masa dan memberikan maklumat penting bagi penyelidik dalam menyiapkan penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga buat wakil pertubuhan komuniti pelarian Rohingya di Malaysia seperti Encik Ghani dari Rohingya Society in Malaysia (RSM), Ustaz Islam dari United Islamic Rohingya Organization for Development (UNIROD), Encik Rafique dari Ethnic Rohingya Committee of Arakan Malaysia (ERCA), Ustaz Jaber dari Majlis Ulama Rohingya (MUR), Ustaz Rafik selaku Ketua Komuniti Rohingya Selayang dan rakan-rakan Rohingya lain yang sudi berkongsi pengalaman serta cabaran kehidupan sebagai pelarian di Malaysia dengan penyelidik.

Akhir sekali kepada yang memberi sumbangan secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini, terima kasih! Semoga kalian dirahmati dan diberkati dalam hidup seharian. Semoga kita berjaya di dunia dan akhirat serta menjadi insan yang memberi sumbangan bermakna kepada agama, bangsa dan negara. Inshallah. AMIN.

(AIZAT KHAIRI, PEACE UNIT, USM, 2018)

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI JADUAL	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
ABSTRAK	xx
ABSTRACT	xxii
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.2.1 Pelarian	6
1.2.2 Pelarian di Malaysia	7
1.2.3 Pelarian Rohingya	9
1.2.4 Penanganan Masalah Pelarian di Malaysia	10
1.3 Sorotan Karya	11
1.3.1 Kajian Umum Pelarian	12
1.3.2 Kehidupan Orang Rohingya Sebagai Pelarian	18
1.3.3 Pelarian Rohingya dan Lain-lain Pelarian di Malaysia	23
1.4 Pernyataan Masalah	30
1.5 Persoalan Kajian	33
1.6 Objektif Kajian	34

1.7	Cadangan Penanganan Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	35
1.8	Kaedah Penyelidikan	40
1.9	Skop dan Batasan Kajian	46
1.10	Signifikan Kajian	46
1.11	Rumusan Bab 1	47
1.12	Huraian Keseluruhan Bab-bab Kajian	48
BAB 2: ILMU PERDAMAIAN, <i>HYBRID PEACE</i>, PENDEKATAN <i>MULTI-TRACK</i> DAN PEMBINAAN KERANGKA PENANGANAN MASALAH PELARIAN DI MALAYSIA		
2.1	Pengenalan	49
2.2	Kajian Perdamaian Sebagai Suatu Disiplin Ilmu	50
2.3	Definisi Konflik dan Perdamaian	53
2.4	Pembinaan Perdamaian (<i>Peacebuilding</i>) sebagai suatu Proses ke Arah Perdamaian	59
2.5	Proses Pembinaan Perdamaian Pasca Konflik (<i>Post-conflict Peacebuilding</i>)	62
2.6	Idea <i>Liberal Peace</i> dalam Pembinaan Perdamaian Pasca Konflik	68
2.7	Perdebatan terhadap <i>Liberal Peace</i> dan Kemunculan <i>Hybrid Peace</i>	75
2.8	Pendekatan <i>Multi-Track</i> : Keterlibatan Pelbagai Aktor, Peranan dan Hubungan Kerjasama	87
2.9	Pembinaan Cadangan Kerangka Penanganan Masalah Pelarian Berdasarkan Idea <i>Hybrid Peace</i> dan Pendekatan <i>Multi-Track</i>	99
2.10	Rumusan Bab 2	105

BAB 3: KAJIAN KES KE ATAS PELARIAN ROHINGYA: PENAFIAN IDENTITI, PENGANIAYAAN DI MYANMAR, PELARIAN DAN SITUASI KEHIDUPAN DI MALAYSIA

3.1	Pengenalan	107
3.2	Konsep Pelarian	108
3.3	Pelarian, Pencari Suaka (<i>Asylum Seekers</i>) dan <i>Internally Displaced Person</i> (IDP)	113
3.4	Sejarah Pelarian di Malaysia	116
3.5	Kajian Kes ke Atas Pelarian Rohingya	120
3.6	Penafian Identiti Orang Rohingya, Penganiayaan dan Pelarian	123
3.7	Modus Operandi Pelarian Rohingya Lari Ke Malaysia (Semenanjung Malaysia)	139
3.8	Populasi Pelarian Rohingya di Malaysia	145
3.9	Taburan Pelarian Rohingya di Malaysia	147
3.10	Status Pelarian Rohingya di Malaysia	152
3.11	Tempat Tinggal dan Kediaman Pelarian Rohingya di Malaysia	155
3.12	Pekerjaan dan Kegiatan Ekonomi Pelarian Rohingya di Malaysia	160
3.13	Urusan Kesihatan Pelarian Rohingya di Malaysia	164
3.14	Peranan Pertubuhan Pelarian Rohingya (PPR) di Malaysia	168
3.14.1	Menyediakan Tempat Perlindungan atau Transit kepada Pelarian Rohingya	173
3.14.2	Menjadi Pemudah Cara dan Perantara antara Pelarian Rohingya dan UNHCR	174
3.14.3	Menjadi Pemudah Cara dan Perantara antara Pelarian Rohingya dan Pihak Kerajaan	176
3.14.4	Menjadi Pemudah Cara dan Perantara antara Pelarian Rohingya dan NGO Lokal serta Golongan Akademik	179

3.14.5	Menubuhkan Madrasah untuk Pengajian Agama Islam bagi Anak-anak Pelarian Rohingya	183
3.14.6	Membantu Menguruskan Hal Ehwal Perkahwinan, Kematian dan Pengebumian Pelarian Rohingya di Malaysia	188
3.15	Rumusan Bab 3	196

BAB 4: PENANGANAN MASALAH PELARIAN ROHINGYA DI MALAYSIA

4.1	Pengenalan	198
4.2	Kerajaan Sebagai Aktor Utama dalam Menangani Masalah Pelarian di Malaysia	198
4.3	Pendirian Kerajaan Terhadap Golongan Pelarian di Malaysia	201
4.4	Penubuhan Majlis Keselamatan Negara (MKN)	203
4.4.1	Tugas dan Tanggungjawab MKN	204
4.4.2	Peranan MKN dalam Menangani Masalah Pelarian di Malaysia	207
4.4.3	Peranan dan Hubungan Kerjasama MKN dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	210
4.5	Penubuhan Bahagian Hal Ehwal Imigresen, Kementerian Dalam Negeri (BHEI-KDN)	216
4.5.1	Peranan dan Hubungan Kerjasama BHEI-KDN dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	218
4.6	Penubuhan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kementerian Dalam Negeri (KDN)	222
4.6.1	Peranan dan Hubungan Kerjasama JIM dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	224
4.7	Penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Jabatan Perdana Menteri (JPM)	231
4.7.1	Peranan dan Hubungan Kerjasama APMM, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	232

4.8	Peranan dan Hubungan Kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	242
4.9	Peranan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	251
4.10	Peranan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	253
4.11	Lain-lain Agensi Kerajaan yang Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	261
4.12	Peranan United Nations High Commission for Refugees (UNHCR) dalam Menangani Masalah Pelarian di Malaysia	264
4.12.1	Diplomasi dan Advokasi	265
4.12.2	Pendaftaran dan Pendokumentasian	267
4.12.3	Pendidikan	273
4.12.4	Kesihatan	276
4.12.5	Perlindungan dan Kebajikan	279
4.13	Peranan dan Hubungan Kerjasama Ahli dan Institusi Akademik dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	282
4.13.1	Penyelidikan	283
4.13.2	Advokasi	287
4.13.3	Ahli Akademik Sebagai <i>Scholar-Practitioner</i> Dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	289
4.14	Peranan dan Hubungan Kerjasama Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Lokal dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	294
4.14.1	Fokus Advokasi	295
4.14.2	Fokus Pendidikan	300
4.14.3	Peranan Pusat Pembelajaran Sebagai Hub Kesihatan	313
4.14.4	Kebajikan	316
4.15	Rumusan Bab 4	320

BAB 5: ANALISIS PENANGANAN MASALAH PELARIAN ROHINGYA DI MALAYSIA DALAM KONTEKS *HYBRID PEACE* DAN PENDEKATAN *MULTI-TRACK*

5.1	Pengenalan	321
5.2	Analisis Penanganan Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia oleh Kerajaan dan Agensinya serta Masalah yang Dihadapi	322
5.3	Analisis Penanganan Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia oleh UNHCR dan Masalah yang Dihadapi	327
5.4	Analisis Peranan dan Hubungan Kerjasama di antara Kerajaan Malaysia dengan UNHCR dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	331
5.5	Analisis Peranan dan Hubungan Kerjasama Aktor Track 1 (Kerajaan dan UNHCR) dan Track 2 (Ahli Akademik) dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	351
5.5.1	Analisis Peranan dan Hubungan Kerjasama antara Kerajaan dan Ahli Akademik	351
5.5.2	Analisis Peranan dan Hubungan Kerjasama antara UNHCR dan Ahli Akademik	359
5.5.3	Kesan Peranan dan Hubungan Kerjasama oleh Ahli Akademik (Track 2) ke atas Kerajaan dan UNHCR (Track 1) dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	363
5.6	Analisis Hubungan Kerjasama Aktor Track 1 (Kerajaan dan UNHCR) dan Aktor Track 3 (NGO Lokal dan Pertubuhan Pelarian Rohingya) serta Peranan Aktor Track 2 (Ahli Akademik) ke atas Hubungan Kerjasama Tersebut dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	367
5.6.1	Analisis Hubungan Kerjasama Kerajaan dan NGO Lokal serta Peranan Ahli Akademik ke atas Hubungan Kerjasama Tersebut dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	368
5.6.2	Analisis Hubungan UNHCR dan NGO Lokal serta Peranan Ahli Akademik ke atas Hubungan Kerjasama Tersebut dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	374

5.6.3	Analisis Hubungan Kerajaan dan Pertubuhan Pelarian Rohingya serta Peranan Ahli Akademik ke atas Hubungan Kerjasama Tersebut dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	382
5.6.4	Analisis Hubungan Kerjasama UNHCR dan Pertubuhan Pelarian Rohingya serta Peranan Ahli Akademik ke atas Hubungan Kerjasama Tersebut dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	387
5.7	Analisis Hubungan Kerjasama antara Aktor Track 3 (NGO Lokal dan Pertubuhan Pelarian Rohingya) dan Peranan Aktor Track 2 (Ahli Akademik) ke atas Hubungan Kerjasama Tersebut dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	395
5.8	Rumusan Bab 5	408

BAB 6: RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1	Pengenalan	409
6.2	Peranan Kerajaan Malaysia dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	410
6.3	Peranan UNHCR dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	412
6.4	Peranan Ahli Akademik dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	413
6.5	Peranan NGO Lokal dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	414
6.6	Peranan Pertubuhan Pelarian Rohingya (PPR) dalam Menangani Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia	416
6.7	Situasi Penanganan Masalah Pelarian Rohingya di Malaysia sebagai <i>Work in Progress</i>	418
6.8	Kesimpulan Akhir	421
6.9	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	424

SENARAI RUJUKAN

426

LAMPIRAN

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 2.1	9 Tracks dalam <i>Multi-Track Diplomacy</i>	92
Rajah 2.2	Multi-track Penyelesaian Konflik Miall, Ramsbotham dan Woodhouse	94
Rajah 2.3	<i>Multi-Track</i> Penyelesaian Konflik dan Pembinaan Perdamaian Lederach	97
Rajah 2.4	Kerangka Cadangan Penanganan Masalah Pelarian di Malaysia berdasarkan Idea <i>Hybrid Peace</i> dan Pendekatan <i>Multi-Track</i>	104
Rajah 3.1	14 Wilayah yang Membentuk Kesatuan Negara Myanmar	123
Rajah 3.2	Kad Pelarian UNHCR Milik Pelarian Rohingya Di Malaysia (Bahagian Depan dan Belakang)	153
Rajah 3.3	Rumah Teres 3 Tingkat yang didiami oleh 3 Keluarga Pelarian Rohingya di Cheras, Kuala Lumpur	158
Rajah 3.4	Rumah Pangsa di Bayan Baru, Pulau Pinang yang Menjadi Tempat Tinggal Pelarian Rohingya	159
Rajah 3.5	Pekerja Pelarian Rohingya di Pasar Borong Selayang, Selangor	161
Rajah 3.6	Pelarian Rohingya Mengumpul barang-barang Lusuh di Ampang, Selangor	161
Rajah 3.7	Borang Masuk Wad oleh Pesakit Pelarian Rohingya di Hospital Pulau Pinang	165
Rajah 3.8	Surat Rujukan ke Hospital Awam ke atas Pelarian Rohingya di Selangor	166
Rajah 3.9	Kad Keahlian RSM (Hadapan dan Belakang)	171
Rajah 3.10	Surat Makluman Pelarian Rohingya oleh ERCA	175
Rajah 3.11	Surat Sokongan Aktiviti Dakwah untuk MUR oleh JAIS	178
Rajah 3.12	Surat Tauliah Mengajar untuk MUR oleh MAIWP	179

Rajah 3.13	Profesor Kamarulzaman Askandar dari USM bersama Pegawai Penyelidik Melakukan Tembual Secara Berkumpulan dengan Pelarian Rohingya di Ibu Pejabat RSM, Ampang, Kuala Lumpur	183
Rajah 3.14	Madrasah untuk Anak-anak Pelarian Rohingya Kelolaan MUR di Kelang, Selangor	185
Rajah 3.15	Anak-anak Pelarian Rohingya Bersama Guru Mereka di Madrasah Kelolaan MUR di Kelang, Selangor	185
Rajah 3.16	Kad Perakuan Nikah yang Dikeluarkan oleh RSM	189
Rajah 3.17	Sijil Nikah ERCA	189
Rajah 3.18	Laporan Kematian yang Dikeluarkan oleh Pihak Hospital ke atas Pesakit Pelarian Rohingya	192
Rajah 3.19	Surat Daftar Kematian dan Permit Mengubur yang Dikeluarkan oleh Pihak Hospital ke atas Pesakit Pelarian Rohingya	193
Rajah 4.1	Pagar yang Dipotong dan Tembok yang Dipanjat oleh Pelarian Rohingya untuk Memasuki Malaysia di Kampung Laka, Bukit Kayu Hitam (Sempadan Malaysia Thailand)	226
Rajah 4.2	Situasi Bot Pelarian Rohingya yang Ditemui oleh APMM	235
Rajah 4.3	Bot Pelarian Rohingya yang Ditahan oleh APMM	235
Rajah 4.4	Petugas APMM Mengagihkan Makanan dan Minuman	236
Rajah 4.5	Petugas Mengusung Wanita Rohingya untuk Diberi Rawatan	237
Rajah 4.6	Pelarian Wanita dan Kanak-kanak Rohingya yang Diselamatkan APMM	237
Rajah 4.7	Pelarian Rohingya yang Baru Tiba di LISRAM	239
Rajah 4.8	Pelarian Rohingya Menunaikan Solat Berjemaah di LISRAM	240
Rajah 4.9	Pelarian Rohingya Menerima Bantuan Makanan oleh NGO di LISRAM	240
Rajah 4.10	Caj Warga Asing daripada KKM Berkuat kuasa pada tahun 2015	245

Rajah 4.11	Kad Temujanji Pesakit Pelarian Rohingya yang dikeluarkan oleh Hospital Ampang	246
Rajah 4.12	Rekod Kesihatan Ibu Milik Pelarian Rohingya yang Dikeluarkan oleh Klinik Kesihatan Bayan Lepas, Pulau Pinang	247
Rajah 4.13	Sijil Kelahiran Milik Pelarian Rohingya yang Dikeluarkan Jabatan Pendaftaran Negara	249
Rajah 4.14	Surat Makluman Pemberitahuan Pelarian Rohingya yang Dikeluarkan oleh UNHCR	269
Rajah 4.15	Contoh Kad Pintar Pelarian UNHCR dan Keterangannya (Hadapan)	271
Rajah 4.16	Contoh Kad Pintar Pelarian UNHCR dan Keterangannya (Belakang)	272
Rajah 4.17	Aplikasi Mudah Alih UNHCR untuk Tujuan Penyemakan	273
Rajah 4.18	Senarai Klinik Swasta dan NGO di Kuala Lumpur dan Selangor	278
Rajah 4.19	Senarai Klinik Swasta dan NGO di Pulau Pinang	279
Rajah 4.20	Surat Makluman UNHCR dan Pendaftaran Human Aid di Selayang	305
Rajah 4.21	Cikgu, Petugas Sukarela dan Sebahagian Pelajar Pelarian Rohingya Human Aid	306
Rajah 4.22	Suasana Pembelajaran Anak-anak Pelarian Rohingya di RISE-IRM	310
Rajah 4.23	Aktiviti di Dalam dan Luar Bilik Darjah di PPLC	312
Rajah 4.24	Klinik Bergerak IMARET di Pusat Pembelajaran Human Aid, Selayang, Selangor	315
Rajah 4.25	HOPE melakukan Program Klinik Bergerak di Penang Peace Learning Centre di Pulau Pinang	316
Rajah 5.1	Datuk Nur Jazlan Melawat TRIS Centre, Bangsar, Kuala Lumpur	343
Rajah 5.2	Maklumat TRIS (KDN)	344
Rajah 5.3	Surat Keterangan dan Sokongan Pelarian Rohingya oleh RSM	389

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 1.0	Pecahan Kategori Responden yang Ditemubual	42
Jadual 3.1	Anggaran Populasi Pelarian Rohingya dari Pelbagai Sumber	145
Jadual 3.2	Taburan Pelarian Rohingya di Malaysia pada Tahun 2009	147
Jadual 3.3	Anggaran Taburan Pelarian Rohingya di Malaysia Pada Tahun 2017	149
Jadual 3.4	Senarai PPR yang Pernah Ditubuhkan di Malaysia	168
Jadual 3.5	Senarai Madrasah dan Pusat Pengajian Islam Rohingya yang Pernah Ditubuhkan di Malaysia	186
Jadual 3.7	Taburan Pelarian Rohingya di Malaysia	159
Jadual 3.8	Senarai Pertubuhan Rohingya yang Pernah Ditubuhkan Di Malaysia	175

SENARAI SINGKATAN

AALCO	Asian-African Legal Consultative Organization
ABIM	Angkatan Belia Islam Malaysia
ABRI	Angkatan Bersenjata Republik Indonesia
ACTS	A Call to Serve
AKSEM	Agensi Keselamatan Sempadan
AL	Arab League
APMM	Agensi Penguatkuasa Maritim Malaysia
ARC	Asean Rohingya Centre
ASEAN	Association of Southeast Asia
ASP	Asistan Superintenden Polis
ASRC	Asylum Seeker Resource Centre
ATIPSOM	Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants
AU	African Union
BHEI	Bahagian Hal Ehwal Imigresen
BSP	Burmese Socialist Political Party
CENTHRA	Centre for Human Rights Research and Advocacy
COLGIS	College of Law, Government and International Studies
DDR	Disarmament, Demobilization and Reintegration
Dr.	Doktor
DSP	Deputi Superintenden Polis
ERCA	Ethnic Rohingya Committee of Arakan Malaysia
ERT	Equal Rights Trust
EU	European Union
FGD	Focus Group Discussion
FGN	Future Global Network
FRC	Foreign Registration Card
Gestapu 30	Gerakan September 30
HALUAN	Pertubuhan Himpunan Lepasn Institusi Pendidikan Malaysia
HAM	Hak Asasi Manusia
IDP	Internally Displaced Person
IKMAS	Institut Kajian Antarabangsa
IKRAM	Pertubuhan IKRAM Malaysia
ILP	Institut Latihan Perindustrian
IMARET	IMAM Response & Relief Team
IMM13	Dokumen Imigresen Nombor 13
IOM	Organization for Migration
IRM	Islamic Relief Malaysia
JAIN	Jabatan Agama Islam Negeri
JAIS	Jabatan Agama Islam Selangor
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAWI	Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan
JIM	Jabatan Imigresen Malaysia
JPM	Jabatan Perdana Menteri

JPN	Jabatan Pendaftaran Negara
JREC	Jaringan Rohingya Education Centre
JUST	International Movement for a Just World
KDN	Kementerian Dalam Negeri
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KLIA	Kuala Lumpur International Airport
KLN	Kementerian Luar Negeri
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSM	Kementerian Sumber Manusia
KSN	Ketua Setiausaha Negara
KTB	Keadaan Tidak Berkerakyatan
LISRAM	Langkawi International Shooting Range
MAIJ	Majlis Agama Islam Johor
MAIS	Majlis Agama Islam Selangor
MAIWP	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MAPIM	Majlis Perundingan Islam Malaysia
MRA	Malaysian Relief Agency
MILF	Moro Islamic Liberation Front
MKN	Majlis Keselamatan Negara
MNLF	Moro National Liberation Front
MRA	Malaysia Relief Agency
MRCS	Malaysian Red Crescent Society
MUR	Majlis Ulama Rohingya
MyCare	Humanitarian Care Malaysia
NATO	North Atlantic Treaty Organization
NDPHR	National Democratic Party for Human Rights
NGO	Non-Governmental Organization
NLD	National League for Democracy
NR	National Registration Certificates
OAU	Organization for African Unity Convention
OIC	Organization of Islamic Cooperation
PATI	Pendatang Asing Tanpa Izin
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PERKIM	Pertubuhan Kebajikan dan Dakwah Islam Malaysia
PGA	Pasukan Gerakan Am
PhD.	Doctor of Philosophy
PM	Perdana Menteri
POC	Proof of Concept
PPA	Pusat Pembelajaran Alternatif
PPKP	Pasukan Petugas Khas Persekutuan
PPLC	Penang Peace Learning Centre
PPR	Pertubuhan Pelarian Rohingya
PPT	The Permanent Peoples Tribunal's
Prof.	Profesor
PWTC	Putra World Trade Centre
QDF	Qatar Development Fund

R2P	Responsibility to Protect
RELA	Ikatan Relawan Rakyat
REMEDI	Refugee Medical Insurance Scheme
RIC	Rohingya Information Center
RISE-IRM	Rohingya Integrated School of Excellence
RSG	Rohingya Support Group
RSM	Rohingya Society in Malaysia
SIJB	Soroptimist International Johor Bharu
SLORC	State Law and Order Restoration Council
SOP	Standard Operating Procedures
SPDC	The State Peace and Development Council
SSR	Security Sector Reform
SUARAM	Suara Rakyat Malaysia
SUHAKAM	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia
TDM	Tentera Darat Diraja Malaysia
TERAS	Teras Pengupayaan Melayu
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
TNI	Tentera Nasional Indonesia
TRC	Temporary Registration Cards
TRIS	Tracking Refugees Information System
UiTM	Universiti Teknologi Mara
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMNO	United Malay National Organization
UMS	Universiti Malaysia Sabah
UN	United Nations
UNDP	United Nations Development Program
UNESCO	United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization
UNGA	United Nations General Assembly
UNHCR	United Nation High Commission for Refugees
UNIROD	United Islamic Rohingya Organization for Development
UPNM	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
USM	Universiti Sains Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
Wadah	Wadah Pencerdasan Umat

PENANGANAN MASALAH PELARIAN ROHINGYA DI MALAYSIA
DALAM KONTEKS *HYBRID PEACE* DAN
PENDEKATAN *MULTI-TRACK*

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis penanganan masalah pelarian Rohingya di Malaysia menggunakan kerangka yang dibina berdasarkan idea *hybrid peace* dan pendekatan *multi-track*. Persoalan utama dalam kajian ini adalah bagaimanakah masalah pelarian Rohingya ditangani di negara ini? Siapakah aktor-aktor yang terlibat? Apakah peranan dan inisiatif yang mereka lakukan untuk menangani masalah pelarian Rohingya? Bagaimanakah kerjasama antara aktor-aktor yang terlibat boleh membantu menangani isu pelarian Rohingya di Malaysia dengan lebih baik dan komprehensif? Bagi menjawab persoalan kajian ini, kaedah penyelidikan berteraskan kualitatif digunakan untuk mendapatkan data sekunder dan primer. Data sekunder dikutip daripada pelbagai sumber termasuk kajian perpustakaan, akhbar dan laman web. Manakala, data primer dikutip menggunakan kaedah seperti pemerhatian di lapangan, pemerhatian turut serta, temubual mendalam dan *Focus Group Discussion*. Analisis data berdasarkan kerangka *hybrid peace* dan pendekatan *multi-track* mendapati bahawa setiap aktor yang terlibat seperti kerajaan Malaysia, UNHCR, akademik, NGO lokal dan pertubuhan pelarian Rohingya mempunyai peranan dan inisiatif masing-masing dalam menangani masalah pelarian Rohingya. Hasil menunjukkan bahawa setiap aktor tidak boleh menangani masalah pelarian Rohingya dengan baik secara bersendirian kerana mempunyai pelbagai limitasi dari segi kuasa, pengaruh, dana, maklumat, pengetahuan dan sumber manusia. Faktor

limitasi yang wujud menyebabkan setiap aktor mengambil inisiatif untuk mewujudkan hubungan kerjasama antara mereka bagi menangani masalah pelarian Rohingya. Hal ini telah ditekankan oleh idea *hybrid peace* yang menjelaskan perlunya ada hubungan kerjasama aktor luar seperti UNHCR dan aktor lokal seperti kerajaan Malaysia, akademik, NGO lokal dan pertubuhan pelarian Rohingya. Manakala, pendekatan *multi-track* membantu menstrukturkan penglibatan setiap aktor berdasarkan kedudukan dan keupayaan mereka supaya mampu melaksanakan peranan serta inisiatif masing-masing secara sistematik. Keadaan hubungan kerjasama ini menjelaskan bahawa perlunya ada elemen kesalinglengkapan (*complementarity*) dalam usaha menangani masalah pelarian Rohingya di Malaysia dengan lebih baik dan komprehensif. Kajian kes ini membuat kesimpulan bahawa masalah pelarian Rohingya mempunyai potensi untuk ditangani dengan lebih baik dan komprehensif disebabkan setiap aktor yang terlibat telah mewujudkan hubungan kerjasama antara mereka berdasarkan peranan dan inisiatif masing-masing. Kajian ini turut membuat kesimpulan bahawa situasi penanganan masalah pelarian Rohingya di Malaysia kini masih berada dalam keadaan *work in progress* kerana terdapat inisiatif dan penambahbaikan yang masih perlu dilakukan dari semasa ke semasa.

HANDLING THE ROHINGYA REFUGEE PROBLEMS IN MALAYSIA
FROM THE CONTEXT OF HYBRID PEACE AND
MULTI-TRACK APPROACH

ABSTRACT

This study analyzes the handling of the Rohingya refugee problem in Malaysia using a framework based on the idea of hybrid peace and the multi-track approach. The main question in this study is how has the Rohingya problem been addressed in this country? Who are the actors involved? What are their roles and what initiatives have been made to address the issue? How can cooperation between the actors involved help to better address the issue of Rohingya refugees in Malaysia in a better and comprehensive manner? To answer the research questions, the qualitative research method was used to collect secondary and primary data. Secondary data was collected from various sources including library study, newspapers and websites. Meanwhile, primary data was collected by using the method of field observation, participatory observation, in-depth interview and focus group discussion. Analysis of data using the hybrid peace framework and the multi-track approach shows that the actors involved like the Malaysian government, UNHCR, academicians, local NGOs and Rohingya refugee organizations have their respective roles and initiatives in handling the Rohingya refugee problem. The results show that the actors cannot effectively handle the problem alone due to various limitations in terms of power, influence, financial, information, knowledge and human resource. As a result of these limitations, the actors have had to cooperate with each other to handle the Rohingya refugee problem. This is in line with

the idea of hybrid peace which highlights the importance of cooperation between external actors like UNHCR and local actors like the Malaysian government, academicians, local NGOs and Rohingya refugee organizations. Furthermore, the multi-track approach helps to structure the involvement of each actor based on their position and ability to systematically implement their respective roles and initiatives. This cooperative relationship explains the need for complementarity in addressing the problem of the Rohingya refugees in Malaysia in an improved and better comprehensive manner. The case study concludes that the Rohingya refugee problem has the potential to be better and comprehensively addressed as collaborative relationships have been established by the actors on the basis of their respective roles and initiatives. The study also concludes that the situation of handling the Rohingya refugee problem in Malaysia is still a work-in progress because there are initiatives and improvements that have to be done from time to time.

BAB 1: PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Masalah pelarian bukanlah suatu masalah yang baru pada dunia masa kini.¹ Masalah pelarian boleh disebabkan oleh pelbagai faktor seperti bencana alam serta lain-lain tragedi kemanusiaan termasuklah konflik kekerasan. Menurut bekas Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Orang Pelarian, António Guterres menyatakan:

“Today’s challenges are interconnected and complex. Population growth, urbanization, climate change, water scarcity and food and energy insecurity are exacerbating conflict and combining in other ways that oblige people to flee their countries.”²

Berdasarkan hujahan di atas mangsa daripada tragedi-tragedi tersebut tidak mempunyai pilihan lain yang terbaik selain daripada melarikan diri daripada tempat tinggal yang asal ke suatu destinasi yang difikirkan selamat demi kelangsungan hidup.³ Misalnya kesan daripada konflik kekerasan dilihat lebih mendominasi pertambahan bilangan pelarian di dunia pada masa kini.⁴ Laporan daripada UNHCR Global Trends 2013 menyatakan bahawa pada penghujung tahun 2013, seramai 51.2 juta orang terpaksa meninggalkan tempat tinggal mereka yang asal disebabkan berlakunya penganiayaan, konflik kekerasan

¹ Amnesty International. *The Global Refugee Crisis: A Conspiracy of Neglect*. (London: Amnesty International, 2015), 5 & 6.

² Ucapan Khas oleh Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Orang Pelarian, António Guterres dalam Dialogue on Protection Gaps and Responses di Geneva, Switzerland pada 8 Disember 2010.

³ Salehyan, I. *The Externalities of Civil Strife: Refugees as a Source of International Conflict*. Kertas kerja yang dibentangkan di seminar “Migration, International Relations and the Evolution of World Politics” anjuran Woodrow Wilson School of Public and International Affairs, Princeton University pada 16-17 Mac 2007.

⁴ Fleming, M., MacLean, E. & Taub, A. *Unintended Consequences: Refugee Victims of the War on Terror*. (Washington D.C.: Georgetown University Law Center, 2006), 1-6.

dan diskriminasi hak asasi manusia.⁵ Jika jumlah 51.2 juta orang pelarian ini merupakan penduduk dalam sebuah negara maka negara tersebut berada dalam kedudukan ke-26 berdasarkan kepada negara yang mempunyai populasi penduduk yang ramai.⁶

Berdasarkan trend pelarian di dunia pada tahun 2014, rakyat dari negara Afghanistan merupakan golongan yang menjadi pelarian teramai di dunia dengan bilangan seramai 2.56 juta orang.⁷ Manakala, rakyat dari negara Syria berada di kedudukan kedua teramai iaitu 2.47 juta orang, diikuti oleh rakyat dari negara Somalia dengan jumlah seramai 1.12 juta orang.⁸ Terdapat 5 negara yang direkodkan menerima golongan pelarian dengan jumlah yang ramai iaitu Pakistan (1.6 juta orang), Republik Iran (857,400 orang), Lubnan (856,500 orang), Jordan (641,900 orang) dan Turki (609,900 orang).⁹ Daripada jumlah golongan pelarian yang dinyatakan, ia merupakan angka tertinggi setakat ini bagi krisis pelarian semenjak tragedi penghapusan etnik beramai-ramai di Rwanda pada tahun 1994 yang lalu.¹⁰ Statistik pelarian meningkat sekali lagi dengan mendadak pada tahun 2015 disebabkan berlakunya perang saudara di Syria yang menjadi pemangkin kepada peningkatan angka pelarian di dunia di samping pergolakan berterusan di negara lain seperti Afghanistan, Somalia, Mali dan Congo.¹¹ Jumlah pelarian telah meningkat kepada 8.3 juta orang menjadikan jumlah tersebut adalah sebanyak 59.5 juta orang seperti yang

⁵ UNHCR. *War Human's Cost: UNHCR Global Trends 2013*. (Geneva: United Nations High Commissioner for Refugees, 2014), 1.

⁶ *Ibid.*, 2 & 3.

⁷ UNHCR. *UNHCR Mid-Year Trends 2014*. (Geneva: United Nations High Commissioner for Refugees, 2014), 4.

⁸ *Ibid.*, 5.

⁹ *Ibid.*, 6.

¹⁰ Haperen, M. V. *The Rwandan Genocide 1994*. (Amsterdam: Institute for War, Holocaust and Genocide Studies, 2014), 102-106.

¹¹ Amnesty International. *An International Failure: The Syrian Refugee Crisis*. (London: Amnesty International, 2013), 1 & 2.

direkodkan oleh United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR).¹² Berdasarkan jumlah tersebut, pelarian Syria direkodkan sebagai bilangan tertinggi iaitu 3.88 juta orang mengatasi pelarian Afghanistan iaitu seramai 2.59 juta orang, manakala pelarian Somalia menduduki tangga ketiga seramai 1.11 juta orang.¹³ Mengenai jumlah yang dinyatakan, terdapat golongan kanak-kanak, wanita dan warga tua yang turut menjadi pelarian demi menyelamatkan nyawa dan keadaan ini mempengaruhi emosi mereka terutama bagi golongan kanak-kanak kerana masalah ini akan meninggalkan kesan yang mendalam serta mempengaruhi masa depan mereka.¹⁴ Pelarian adalah suatu masalah yang membimbangkan disebabkan ia bukan sahaja memberi kesan terhadap emosi dan fizikal kepada golongan ini, tetapi ia juga memberi kesan terhadap negara yang menjadi destinasi bagi mereka.¹⁵ Menurut Danish Refugee Council apabila golongan pelarian telah memilih untuk meninggalkan negara asal maka lazimnya negara jiran akan menjadi destinasi utama mereka.¹⁶ Oleh yang demikian, negara-negara destinasi yang menghadapi situasi ini akan berada dalam keadaan dilema sama ada mahu memberikan bantuan atau membuat sekatan disebabkan masalah pelarian ini boleh mempengaruhi faktor kewangan, kedaulatan dan keselamatan negara tersebut.¹⁷

Malaysia juga tidak terlepas daripada menghadapi masalah pelarian ini. Malaysia tidak berjiran dengan negara sumber golongan pelarian, namun ia masih merupakan antara

¹² UNHCR. *World at War: UNHCR Global Trends and Forced Displacements in 2014*. (Geneva: United Nations High Commissioner for Refugees, 2015), 1-3.

¹³ *Ibid.*, 4.

¹⁴ Zwi, K. & Chaney, G., "Refugee Children: Rights and Wrongs," *Journal of Pediatrics and Child Health*, vol. 49, no. 2. (2013): 90.

¹⁵ Fagen, P. W. *Refugees and IDPs after Conflict: Why They Do Not Go Home?* (Washington: United States Institute of Peace, 2011), 8.

¹⁶ Danish Refugee Council. *Right to a Future: Empowering Refugees from Syria and Host Governments to Face a Long-Term Crisis*. (Oxford: Oxfam International, 2015), 10.

¹⁷ Martin, A., "Environmental Conflict between Refugee and Host Communities," *Journal of Peace Research*, vol. 42, no. 3, (2005): 320.

destinasi popular bagi golongan pelarian.¹⁸ Keadaan ini adalah berdasarkan kepada konsep faktor penolak dan penarik yang digunakan oleh para pengkaji yang memberi fokus terhadap penyelidikan dalam bidang keimigrasian atau penghijrahan.¹⁹ Faktor penolak adalah mengenai keadaan di negara asal yang mempunyai masalah dari segi ekonomi dan keselamatan lalu menyebabkan rakyat di negara itu terpaksa keluar demi kelangsungan hidup. Manakala, faktor penarik disebabkan negara yang dijadikan destinasi memberi peluang ekonomi, keamanan dan keselamatan kepada pelarian yang datang.²⁰ Dalam lingkungan wilayah rantau Asia Tenggara, Malaysia menjadi tumpuan destinasi bagi golongan pelarian khususnya dari Myanmar atau Burma²¹ pada ketika ini selain menjadi tumpuan pelarian dari luar wilayah seperti Bosnia, Afghanistan, Iraq, Somalia dan Palestin. Pelarian dari Myanmar terdiri daripada pelbagai etnik seperti Chin, Kachin, Mon, Shan termasuklah Rohingya.²² Pelarian Rohingya yang dijadikan sebagai kajian kes dalam penyelidikan ini adalah merupakan golongan insan yang menghadapi penganiayaan dan penindasan di negara asal disebabkan faktor-faktor seperti kerakyatan mereka tidak diiktiraf oleh pemerintah Myanmar dan menerima tentangan daripada penduduk tempatan

¹⁸ Melati Mohd Arif, "Isu yang Belum Selesai," Akhbar Kosmo. http://kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2010&dt=0719&pub=Kosmo&sec=Rencana_Utama&pg=ru_01.htm (Diakses 3 Mac 2015).

¹⁹ Guido, D. & Waldo, T., "Push-Pull Migration Laws," *Annals of the Association of American Journal Geographers*, VOL.73. (2005): 5. <http://onlinelibrary.wiley.com> (Diakses 25 Jun 2015).

²⁰ Azizah Kassim. *Filipino Refugees in Sabah: State Responses, Public Stereotypes and the Dilemma over Their Future*. (Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2009).

²¹ Pada perbincangan seterusnya, penyelidik akan menggunakan nama negara Myanmar dalam penulisan ini walaupun terdapat sesetengah pihak menggelarkannya sebagai Burma. Relevansinya, penyelidik merujuk kepada The Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) atau Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara yang menggunakan nama negara Myanmar. <http://www.asean.org/asean/asean-member-states> (Diakses 27 September 2015).

²² Mariatul Qatiah Zakaria, "Bergelandangan di Negara Orang," Utusan Malaysia. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2010&dt=0921&pub=Utusan_Malaysia&sec=Keluarga&pg=ke_01.htm (Diakses 15 Januari 2015).

yang lain.²³ Amnesty International²⁴ menggambarkan orang Rohingya antara golongan yang paling tertindas di dunia:

*“Imagine you had no identity or a place to call home. Your rights to study, work, travel, marry and practice your religion didn’t exist – because you belong nowhere. You have no way to prove who you are or where you’re from, which restricts the ability to gain full citizenship status. Wherever you try to find refuge and you’re locked up in detention because of who you are. This is the life of a Rohingya.”*²⁵

Kajian ini memberi tumpuan kepada pelarian Rohingya yang pada masa kini berada di Malaysia serta keadaan kehidupan mereka di sini. Fokus kajian terarah kepada proses untuk menangani masalah pelarian Rohingya yang berada di Malaysia dengan melibatkan peranan kerajaan, institusi akademik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pertubuhan pelarian Rohingya di Malaysia dalam usaha untuk menangani masalah ini. Bahagian seterusnya akan membincangkan latar belakang kajian yang merujuk kepada konsep umum pelarian, pelarian di Malaysia termasuklah pelarian Rohingya dan juga penanganan masalah pelarian di Malaysia.

1.2 Latar Belakang Kajian

Pada bahagian ini kajian membincangkan mengenai konsep pelarian secara umum berdasarkan hujahan para sarjana dan juga takrifan pelarian daripada agensi antarabangsa yang berkait rapat dengan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Kemudian,

²³ Seminar yang dianjurkan oleh Perdana Global Peace Foundation International bertajuk “Plight of The Rohingya: Solutions?” di Kuala Lumpur pada 17 September 2012.

²⁴ Amnesty International merupakan sebuah pertubuhan masyarakat sivil antarabangsa yang berpangkalan di London, United Kingdom dan mempunyai cawangan di seluruh dunia. Matlamat utama pertubuhan ini adalah berkisar tentang kempen kesedaran untuk melindungi hak asasi manusia. Visi dan misinya pula untuk mencapai sebuah dunia di mana setiap orang menikmati semua hak yang dinyatakan dalam Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat dan standard hak asasi manusia antarabangsa.

²⁵ Amnesty International, “Rohingya: The Most Persecuted Refugees in the World,” Amnesty International. <http://www.amnesty.org.au/refugees/comments/35290/> (Diakses 27 September 2015).

perbincangan ini diteruskan dengan mengutarakan keadaan pelarian di Malaysia yang dipantau oleh agensi antarabangsa termasuklah mengenal pasti asal usul dan populasi mereka. Setelah itu, kajian ini akan menjurus kepada senario umum pelarian Rohingya yang dijadikan sebagai fokus dalam kajian ini. Perbincangan mengenai pelarian Rohingya akan dihuraikan dengan lebih mendalam dan terperinci di bab 3.

1.2.1 Pelarian

Menurut Ryszard Cholewinski²⁶ pelarian merupakan masalah yang berlarutan sejak berkurun lama dahulu iaitu sebelum Perang Dunia Pertama lagi. Masalah ini semakin meruncing apabila berlakunya Perang Dunia Pertama dan Perang Dunia Kedua. Menurut beliau lagi, telah direkodkan bahawa antara tahun 1815 hingga tahun 1914 lebih kurang seramai 60 juta masyarakat dari negara-negara Eropah telah menjadi pelarian ke negara-negara seperti di Amerika, Ocenia, Afrika, Siberia dan Asia Tengah. Shoesmith²⁷ menjelaskan bahawa pelarian adalah individu atau kumpulan yang secara tidak sukarela dimestikan untuk meninggalkan tempat tinggal yang asal dan mencari perlindungan di tempat lain disebabkan bencana alam serta pergolakan politik. Sarjana tempatan seperti Bahrin dan Rachagan²⁸ pula memberi takrifan pelarian adalah golongan manusia yang ditindas oleh kerajaan negara asalnya yang mengakibatkan mereka terpaksa lari keluar dari negara asal mereka. Golongan ini kebiasaanya akan merentasi sempadan negaranya

²⁶ Ryszard, C. *Pekerja Migran dalam Undang-undang Hak Asasi Manusia Antarabangsa: Perlindungan Mereka Diambil Bekerja*. (Kuala Lumpur: Amnesty International Publications, 1997), 17.

²⁷ Shoesmith, D.R. *Refugees and Regional Politics: the Dynamics of Refugee Flows in Mainland Southeast Asia*. (Darwin: Charles Darwin University Press, 1997).

²⁸ Bahrin dan Rachagan merupakan staf akademik dari Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Mereka merupakan penyelidik akademik lokal terawal yang memberi fokus terhadap kajian mengenai pelarian di Malaysia dari perspektif dasar dan undang-undang. Hasil kajian dan penulisan mereka menjadi perintis kepada golongan akademik lain yang mahu melakukan kajian dalam bidang pelarian di Malaysia.

menuju ke negara jiran, seterusnya ke negara lain dan proses ini dilakukan secara beramai-ramai.²⁹

Badan antarabangsa seperti United Nations High Commission for Refugees (UNHCR)³⁰ memberi takrifan pelarian iaitu golongan yang terpaksa lari meninggalkan negara asal atas sebab-sebab seperti penganiayaan daripada golongan pemerintah, perang saudara dan pencabulan hak asasi manusia. UNHCR juga telah memberi takrifan perbezaan antara golongan penghijrah dan golongan pelarian iaitu UNHCR hanya memberi pengiktirafan kepada golongan pelarian kerana mereka pada asalnya tidak memilih untuk meninggalkan negara asal, sebaliknya atas sebab penderitaan dan kesengsaraan yang mereka alami. Perkara ini sangat berbeza daripada golongan penghijrah yang tidak layak diberi taraf pelarian dan perlindungan disebabkan matlamat mereka ke luar negara adalah atas dasar ekonomi semata-mata.³¹

1.2.2 Pelarian di Malaysia

Malaysia telah didatangi oleh golongan ini berpuluh-puluh tahun dahulu khususnya pada tahun-tahun 70-an.³² Pada waktu itu, golongan pelarian yang lari ke Malaysia melibatkan lebih kurang 90,000 orang pelarian daripada selatan Filipina yang lari ke Sabah dan juga

²⁹ Tengku Shamsul Bahrin & Sothi Rachagan. *The Status of Displaced Filipinos in Sabah: Some Policy Considerations and Their Long Term Implications*. (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 1984).

³⁰ United Nations High Commission for Refugees (UNHCR) atau Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Orang Pelarian telah ditubuhkan pada 14 Disember 1950 semasa Perhimpunan Agung Persatuan Bangsa-bangsa Bersatu. Ia diberi mandat untuk membantu dan menyelaras tindakan antarabangsa dalam melindungi dan menyelesaikan masalah pelarian. Ia juga menggunakan mandat dari Konvensyen pelarian di Geneva pada tahun 1951 adalah untuk memastikan pelarian di seluruh dunia mendapat pembelaan yang sewajarnya.

³¹UNHCR, "What We Do," UNHCR Malaysia. http://www.unhcr.org.my/What_We_Do-@-Maklumat_untuk_Pemohon_Suaka_dan_Orang_Pelarian.aspx (Diakses 28 Januari 2014).

³² Kamarulzaman Askandar. *Safe Haven or More of the Same? Refugees in Malaysia*. Kertas kerja yang dibentang di Perhimpunan Masyarakat ASEAN di Manila pada 11-13 Mei 2005.

kira-kira seramai 255,000 orang pelarian Vietnam yang lari ke Semenanjung Malaysia khususnya di kawasan pulau dan pantai negeri Terengganu.³³ Masalah pelarian Vietnam telah berjaya diselesaikan melalui kerjasama semua pihak pada tahun 1990³⁴. Tetapi, masalah mengenai pelarian dari selatan Filipina yang berada di Sabah masih berlanjutan sehingga ke hari ini walaupun terdapat usaha-usaha untuk menanganinya. Menurut data yang dikeluarkan oleh UNHCR Malaysia pada penghujung Disember 2015, seramai lebih kurang 156,340³⁵ golongan pelarian dan pencari suaka yang telah mendaftar dengan agensi antarabangsa ini. Menurut statistik ini, golongan pelarian yang paling ramai adalah daripada rantau Asia Tenggara sendiri iaitu dari Myanmar seramai 143,670 orang. Jumlah ini terdiri daripada beberapa kelompok etnik yang berasal dari negara Myanmar iaitu didahului dengan etnik Rohingya seramai 52,570 orang, Chin seramai 45,380 orang, golongan Muslim Myanmar seramai 12,200 dan lain-lain etnik lagi. Di samping itu, UNHCR Malaysia turut mencatatkan statistik pelarian seramai kira-kira 12,670 orang yang berasal dari luar rantau Asia Tenggara. Golongan pelarian ini berasal dari Sri Lanka seramai 3,280 orang, 1,480 orang dari Pakistan, 1,410 orang dari Somalia, 1,310 orang dari Syria, 1,250 orang dari Iraq, 990 orang dari Yaman, 650 orang dari Palestin dan 500 orang dari Iran. Angka yang dikeluarkan menunjukkan bahawa 70% golongan pelarian adalah lelaki dan 30% adalah di kalangan golongan wanita. Terdapat juga pelarian kanak-kanak di bawah umur 18 tahun iaitu seramai 33,640 orang.³⁶

³³ Azizah Kassim 2009, *op.cit.*, 29.

³⁴ Utusan Malaysia, "Pulau Bidong Terus Sepi," Utusan Malaysia. http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=1998&dt=0817&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=ot_01.htm (Diakses 28 Januari 2014).

³⁵ UNHCR, "Figures at a Glance," UNHCR Malaysia. http://www.unhcr.org.my/What_We_Do-@-Maklumat_untuk_Pemohon_Suaka_dan_Orang_Pelarian.aspx (Diakses 9 Januari 2016).

³⁶ *Ibid.*,

1.2.3 Pelarian Rohingya

Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh UNHCR Malaysia, pelarian Rohingya menduduki tempat pertama sebagai golongan pelarian yang paling ramai di Malaysia. Pelarian Rohingya mengalami keperitan hidup bukan sahaja di negara yang menjadi destinasi mereka, bahkan ia lebih teruk di negara asal mereka iaitu di Myanmar.³⁷ Keadaan ini adalah berpunca daripada golongan pemerintah Myanmar yang tidak mengiktiraf Rohingya sebagai rakyat negaranya.³⁸ Isu kerakyatan merupakan faktor utama yang memberi kesan yang negatif dalam kehidupan seharian mereka.³⁹ Mereka diibaratkan seperti pendatang haram di tanah air sendiri kerana tidak mempunyai dokumen yang mengesahkan mereka sebagai rakyat Myanmar yang berdaulat. Oleh sebab itu, mereka sering diganggu, dianiaya dan diseksa serta tiada tempat untuk mereka menuntut keadilan. Rumah-rumah mereka boleh diceborohi oleh pihak penguasa dan masjid-masjid tempat mereka beribadat ada juga yang dibakar.⁴⁰

Kepayahan dan ancaman hidup yang dihadapi oleh orang Rohingya di Myanmar menyebabkan mereka mengambil keputusan untuk lari keluar dari negara asal menuju ke destinasi yang lain dalam usaha untuk meneruskan kelangsungan hidup.⁴¹ Kebiasaannya mereka akan melarikan diri ke negara jiran atau yang berhampiran dengan kawasan tempat tinggal mereka seperti di Bangladesh, Pakistan, India, Arab Saudi dan juga Malaysia. Bagi golongan pelarian Rohingya yang memilih Malaysia sebagai destinasi mereka, masalah

³⁷ Aizat Khairi, "Penanganan Masalah Pelarian dalam Konteks Keselamatan Insan di Malaysia: Kajian Kes ke atas Pelarian Moro dan Rohingya" (Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, 2012), 99.

³⁸ *Ibid.*, 17.

³⁹ Parker, L. *Access To Citizenship In Transitional Myanmar: Seeking Rohingya Rights The Wrong Way?* (London: University of London, 2014), 3-5.

⁴⁰ *Ibid.*, 4.

⁴¹ Maelzer, R. "Rohingya Muslims Fleeing Myanmar Seek Sanctuary in Malaysia," America CCTV News report. <http://www.cctv-america.com/2015/01/03/rohingya-muslims-fleeing-myanmar-seek-sanctuary-in-malaysia> (Diakses 29 Januari 2014).

baru akan muncul dan terpaksa dihadapi oleh mereka disebabkan dasar kerajaan Malaysia yang tidak mengiktiraf status golongan pelarian. Hal ini menyebabkan kehidupan seharian mereka di Malaysia berada dalam keadaan yang tidak menentu.⁴²

1.2.4 Penanganan Masalah Pelarian di Malaysia

Penanganan masalah pelarian di Malaysia adalah berteraskan daripada dasar kerajaan yang dijadikan sebagai garis panduan kepada pelaksanaannya. Sehingga ke hari ini kerajaan Malaysia masih belum mengiktiraf Konvensyen 1951 PBB berhubung Status Orang Pelarian. Konvensyen yang telah diiktiraf oleh 145 buah negara⁴³ ini mempunyai mekanisme untuk menangani masalah pelarian di negara yang menjadi destinasi mereka. Walau bagaimanapun, kerajaan tidak berbuat demikian atas alasan keselamatan dan kedaulatan negara. Undang-undang yang paling hampir dengan isu pelarian ini adalah Akta Imigresen. Namun begitu, undang-undang ini tidak mempunyai garis panduan yang jelas untuk mentakrifkan status pelarian. Oleh sebab itu, Akta Imigresen Malaysia tidak dapat membezakan antara pendatang tanpa izin dan juga golongan pelarian.⁴⁴ Semua pelarian di Malaysia termasuklah pelarian Rohingya tidak dilindungi oleh undang-undang Malaysia disebabkan pihak kerajaan tidak mahu mengakui status mereka. Justeru, pihak UNHCR Malaysia telah memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk menangani masalah pelarian ini. Tetapi, keupayaan UNHCR Malaysia adalah terhad disebabkan terdapatnya kekangan dari segi kewangan, sumber manusia dan juga undang-undang

⁴² Azizah Kassim. *Muslim Refugees in Malaysia: An Analysis of the Status of Rohingya from Myanmar*. (Tokyo: Tokyo University of Foreign Studies, 2010).

⁴³ Menurut UNHCR sehingga tahun 2015 terdapat sebanyak 145 buah negara yang telah menjadi negara ahli kepada Konvensyen Pelarian 1951.

⁴⁴ *Ibid.*, 90.

Malaysia yang membataskan usaha-usaha untuk menangani masalah pelarian dengan lebih baik. Walaupun kerajaan Malaysia tidak mengiktiraf status pelarian dan tidak mempunyai apa-apa tanggungjawab untuk membantu pelarian yang datang ke Malaysia, pihak kerajaan masih memberi kebenaran kepada UNHCR untuk melakukan apa-apa usaha untuk menangani masalah pelarian ini.⁴⁵ Kesan daripada dasar kerajaan Malaysia yang tidak mengiktiraf golongan pelarian telah memberi kesan bukan sahaja kepada pihak UNHCR untuk menangani masalah ini, tetapi kepada golongan pelaksana dasar kerajaan. Dasar yang tidak jelas akan mengakibatkan berlakunya pelaksanaan yang tidak jelas. Oleh sebab itu, golongan pelarian yang akan menerima kesannya dan ini menyebabkan mereka berada dalam keadaan yang dilema untuk meneruskan kehidupan di Malaysia.⁴⁶ Latar belakang kajian yang dibincangkan adalah mengenai gambaran umum mengenai situasi dan keadaan pelarian di Malaysia terutamanya golongan pelarian Rohingya yang dijadikan fokus dalam kajian ini. Perbincangan mengenai pelarian Rohingya akan dibincangkan dengan lebih mendalam dan berstruktur di bab 3 iaitu bab yang dikhususkan untuk membincangkan mengenai pelarian Rohingya. Kajian ini diteruskan dengan membincangkan mengenai sorotan karya mengenai kajian terdahulu yang memberi fokus terhadap masalah pelarian di peringkat antarabangsa dan lokal.

1.3 Sorotan Karya

Sorotan karya adalah merupakan penulisan atau kajian yang pernah dilakukan penyelidik terdahulu. Menurut Gay, Mills dan Airasian⁴⁷ sorotan karya membantu penyelidik untuk

⁴⁵ Aizat Khairi 2012, *op.cit.*, 18.

⁴⁶ Aizat Khairi 2012, *op.cit.*, 19.

⁴⁷ Gay, L.R., Mills, G. E., & Airasian, P. W. *Educational Research: Competencies for Analysis and Applications* (10th Edition). (New Jersey: Prentice Hall, 2011).

mengenal pasti isu dan masalah yang wujud secara sistemik, lokasi kajian dan menganalisis maklumat yang berkaitan dengan kajian yang hendak dilakukan. Sorotan karya juga membantu penyelidik mencari topik yang sesuai untuk dikaji dan relevan dengan isu semasa.⁴⁸ Di samping itu, ia membantu agar penyelidik tidak mengulangi kajian yang pernah dilakukan oleh penyelidik terdahulu.⁴⁹ Berdasarkan bahagian ini, kajian akan membincangkan mengenai penulisan dan kajian terdahulu mengenai isu dan masalah pelarian, pelarian di Malaysia, pelarian Rohingya di Malaysia dan penanganan masalah pelarian. Penulisan dan kajian terdahulu ini adalah seperti penulisan laporan, tesis, buku dan jurnal akademik. Sorotan karya ini akan dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu pertama adalah mengenai isu dan permasalahan pelarian di peringkat antarabangsa. Kedua pula adalah mengenai isu dan permasalahan pelarian Rohingya yang berpunca di dalam negaranya iaitu Myanmar serta keadaan hidup mereka sebagai pelarian di negara jiran. Manakala, ketiga adalah tentang isu dan permasalahan pelarian Rohingya di Malaysia termasuklah kajian-kajian yang pernah dilakukan terhadap lain-lain pelarian yang berada di negara ini.

1.3.1 Kajian Umum Pelarian

Terdapat kajian-kajian yang pernah dilakukan oleh golongan intelektual di seluruh dunia termasuklah badan-badan antarabangsa dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam memfokus terhadap isu dan masalah pelarian. Hal ini disebabkan isu dan permasalahan pelarian telah lama wujud dan ia memberi kesan bukan sahaja kepada negara pengeluar

⁴⁸ Syed Arabi Idid. *Kaedah Penyelidikan Komunikasi dan Sains Sosial*. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992).

⁴⁹ Sabitha Marican. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. (Petaling Jaya: Prentice Hall, 2005).

pelarian, tetapi juga kepada negara yang didatangi golongan ini. Justeru, pelarian lazimnya merupakan isu melibatkan wilayah serantau dan juga di peringkat antarabangsa. Terdapat sarjana-sarjana yang melakukan kajian dari perspektif sejarah awal pelarian di dunia. Misalnya Robin Gwynn⁵⁰ dalam kajiannya bertajuk *England's First Refugees* membincangkan mengenai negara England yang telah menerima kedatangan masyarakat pelarian khusus dari Perancis pada awal kurun ke-17 disebabkan berlakunya konflik dalaman di negara itu. Tetapi, Hugh Dunthorne⁵¹ mendakwa bahawa pelarian daripada Belanda dan pelarian Yahudi lebih awal berada di England iaitu pada tahun 1560 dan tahun 1665. Faktor utama yang menyebabkan mereka menjadi pelarian adalah kesan daripada penganiayaan agama daripada kerajaan Sepanyol. Seterusnya terdapat para pengkaji yang turut mengkaji mengenai pelarian dari perspektif sejarah seperti Hari⁵², Chelsea Bin Han⁵³, Philip Marfleet⁵⁴ dan Ricardo Bocco.⁵⁵ Kajian yang dilakukan oleh para penyelidik ini adalah merangkumi faktor-faktor yang menyebabkan fenomena pelarian terjadi.

Pada perspektif yang lain, penyelidik seperti Peter Gatrell⁵⁶ menjelaskan fenomena pelarian moden adalah bermula ketika berlakunya Perang Dunia Pertama.⁵⁷

⁵⁰ Gwynn, R. *England's 'First Refugees'*. (London: Routledge & Kegan Paul, 1985).

⁵¹ Dunthorne, H. *Britain and the Dutch Revolt 1560–1700*. (Cambridge: Cambridge University Press, 2013), 30.

⁵² Hari, A., "Temporariness, Rights, and Citizenship: The Latest Chapter in Canada's Exclusionary Migration and Refugee History." *Canada's Journal of Refugees*, vol. 30, no. 2 (2014): 35-36.

⁵³ Han, C. B. *Smuggled Migrant or Migrant Smuggler: Erosion of Sea-borne Asylum Seekers' Access to Refugee Protection in Canada*. (Oxford: Oxford University Press, 2015), 20.

⁵⁴ Marfleet, P., "Refugees And History: Why We Must Address the Past." *Refugee Survey Quarterly*, vol. 26, no. 3. (2007): 140.

⁵⁵ Bocco, R., "UNRWA and the Palestinian Refugees: A History within History." *Refugee Survey Quarterly*, vol. 28, no. 3. (2010): 232.

⁵⁶ Gatrell, P. *The Making of the Modern Refugee*. (Oxford: Oxford University Press, 2013).

⁵⁷ Perang Dunia Pertama terjadi pada tahun 1914 hingga 1918. Pada ketika itu, kira-kira 45 juta orang telah meninggalkan negara asal untuk lari ke tempat yang baru demi kelangsungan hidup masing-masing.

Hujahan ini kemudiaanya disokong oleh Adam R. Seipp⁵⁸ dan beliau menambah ketika berlakunya Perang Dunia Kedua ini, angka pelarian terus meningkat kepada 175 juta orang.⁵⁹ Perdebatan ini seterusnya telah dipanjangkan lagi oleh James Milner⁶⁰, Alexander Betts dan Gil Loescher⁶¹ yang membincangkan mengenai punca terjadinya fenomena pelarian dengan melihat perubahan dalam konteks transisi perang dunia iaitu selepas Perang Dunia Kedua sehingga era Perang Dingin. Evan Elise Easton-Calabria⁶² dan Julie Mertus⁶³ menerangkan bahawa implikasi Perang Dingin bukan sahaja mempengaruhi kadar pertambahan jumlah pelarian di Eropah dan Timur Tengah, bahkan pada masa yang sama ia turut menyebabkan negara-negara di rantau Benua Afrika dan Asia mengalami impak yang sama. Manakala Gary Uzonyi⁶⁴ berhujah kajian mengenai pelarian telah difokuskan oleh para penyelidik dengan melihat berdasarkan skop wilayah-wilayah tertentu. Misalnya Zarya Iqbal dan Christopher Zorn⁶⁵ dalam kajian mereka menjelaskan bahawa perkembangan masalah pelarian di Afrika bermula sekitar tahun 1950 kesan

⁵⁸ Seipp, A. R. *Strangers in the Wild Place: Refugees, Americans, and a German Town, 1945–1952*. (Indiana: Indiana University Press, 2013).

⁵⁹ Perang Dunia Kedua yang bermula pada 1 September 1939 hingga 2 September 1945. Fenomena pelarian telah berlaku hampir di seluruh dunia akibat perang yang berlaku pada ketika itu. Misalnya, 90 juta orang telah menjadi pelarian di Asia Timur kesan perang antara China dan Jepun serta perang saudara di China. Berjuta-juta orang juga telah menjadi pelarian akibat perang di wilayah Asia Selatan sebelum wujudnya perpecahan sebahagian wilayah India menjadi Pakistan dan Bangladesh. Manakala hampir 60 juta orang telah menjadi pelarian di Benua Eropah kesan daripada Perang Dunia Kedua tersebut.

⁶⁰ Milner, J., "Introduction: Understanding Global Refugee Policy." *Journal of Refugee Studies*, vol. 27, no 4 (2014): 480.

⁶¹ Betts, A. & Loescher, G. *Refugees in International Relations*. (Oxford: Oxford University Press, 2011), 1-3.

⁶² Easton-Calabria, E. E., "From Bottom-Up to Top-Down: The 'Pre-History' of Refugee Livelihoods Assistance from 1919 to 1979." *Journal of Refugee Studies*, vol. 28, no. 3. (2015): 415.

⁶³ Mertus, J., "The State and the Post-Cold War Refugee Regime: New Models, New Questions." *International Journal on Refugee Law*, vol. 10, no. 3 (1998): 330.

⁶⁴ Uzonyi, G., "Refugee Flows and State Contributions to Post-Cold War UN Peacekeeping Missions." *Journal of Peace Research*, June 8 (2015).

⁶⁵ Iqbal, Z. & Zorn, C., "Civil War and Refugees in Post-Cold War Africa." *Special Issue: Forced Migration and Civil War*, vol. 9, no. 2 (2007): 209.

daripada perang saudara dan konflik etnik. Manakala Munzoul A. M. Assal⁶⁶ menjelaskan bahawa perang saudara di Sudan dan konflik di Darfur telah mengakibatkan jutaan masyarakat menjadi pelarian ke negara-negara jiran seperti di Angola, Burundi, Chad, Ethiopia atau Habsyah, Uganda dan sebagainya. Selain negara-negara tersebut, Jeff Handmaker, Lee Anne de la Hunt dan Jonathan Klaaren⁶⁷ menyatakan negara jiran yang menjadi destinasi popular bagi pelarian di rantau Afrika adalah di Afrika Selatan sekitar tahun 2000 walaupun pada sebelum ini Afrika Selatan terkenal dengan dasar pro kulit putih atau apartheid.

Dari lensa dasar mengenai pelarian di Afrika, Cristiano d’Orsi⁶⁸ berhujah terdapatnya Organisation of African Unity’s (OAU) 1969 Convention Governing Specific Aspects of Refugee Problems in Africa yang memberi definisi spesifik bagi golongan pelarian di Afrika serta proses-proses kemanusiaan yang boleh dilakukan. Tetapi, Marina Sharpe⁶⁹ menjelaskan bahawa konvensyen ini mempunyai keupayaan yang terbatas disebabkan terdapat sesetengah pemimpin negara-negara Afrika yang tidak mahu mematuhi. Masalah ini telah dikembangkan oleh Emmanuel Bagenda dan Lucy Hovil⁷⁰ yang mendakwa walaupun golongan pelarian di Afrika telah lari dari kediaman asal mereka berlindung di negara jiran, terdapat masalah yang harus mereka hadapi iaitu kekurangan makanan, keadaan tempat tinggal yang tidak selesa dan yang paling teruk

⁶⁶ Munzoul, A. M. A. *Refugees From and To Sudan*. Kertas kerja yang dibentangkan semasa seminar bertajuk Migration and Refugee Movements in the Middle East and North Africa yang dianjurkan oleh The Forced Migration & Refugee Studies Program, The American University di Kaherah, Mesir pada 23-27 Oktober 2007.

⁶⁷ Handmaker, J., Hunt, L.A. & Klaaren, J. *Advancing Refugee Protection in South Africa*. New York: Berghahn Books, 2008.

⁶⁸ D’Orsi, C., “Sub-Saharan Africa: Is a New Special Regional Refugee Law Regime Emerging?” *Heidelberg Journal of International Law (HJIL)*, vol. 68 (2008).

⁶⁹ Sharpe, M., “The 1969 African Refugee Convention: Innovations, Misconceptions and Omissions.” *McGill Law Journal*, vol. 58, no. 1 (2012): 110.

⁷⁰ Bagenda, E. & Hovil, L. *Sudanese Refugees in Northern Uganda: From One Conflict to the Next*. (Kampala: Uganda. Makerere University Press, 2002), 16-19.

adalah mereka masih terdedah dengan risiko ancaman nyawa kesan daripada konflik bersenjata. Kesan daripada masalah pelarian yang wujud serata lokasi di negara-negara Afrika, pihak UNHCR Afrika telah mengkategorikan golongan pelarian kepada empat wilayah iaitu Afrika Tengah, Afrika Timur, Afrika bahagian Selatan dan Afrika Barat.⁷¹ Sehingga Oktober 2013, lebih daripada 2 juta orang telah menjadi pelarian dan tidak dapat pulang ke tempat asal disebabkan pergolakan dan konflik yang masih belum reda.⁷²

Selain Afrika, benua Asia juga tidak terkecuali dari menghadapi masalah pelarian. Berdasarkan hujahan Roque Raymundo⁷³ pada era 1980-an populasi pelarian di Asia adalah yang terbesar di dunia dan pada tahun 1995 kira-kira seramai 8 juta pelarian berada di seluruh rantau benua Asia. Angus Francis and Rowena Maguire⁷⁴ menyokong hujah Raymundo dengan membuktikan bahawa pada tahun 2011, kira-kira 35% populasi pelarian berada di rantau Asia Pasifik. Angka pelarian terus meningkat berdasarkan kajian oleh Jefferson R. Plantilla⁷⁵ yang memetik laporan daripada UNHCR yang menyatakan pada tahun 2012 dianggarkan seramai 9.5 juta orang telah menjadi pelarian di rantau Asia Pasifik. Graeme Hugo⁷⁶ membuat analisis mengenai punca yang mempengaruhi pertambahan bilangan pelarian dan beliau mendapati ia disebabkan konflik politik dan bencana alam. Walau bagaimanapun, menurut Oliver Rambottham, Tom Woodhouse dan Hugh Miall menjelaskan bahawa konflik politik seperti perang saudara dan penganiayaan

⁷¹ UNHCR, "2015 UNHCR Regional Operations Profile – Africa". UNHCR Afrika. <http://www.unhcr.org/pages/4a02d7fd6.html> (Diakses 29 Januari 2015).

⁷² UNHCR, "Regional Bureau for Africa". UNHCR Afrika. <http://www.unhcr.org/526934e89.html> (Diakses 29 Januari 2015).

⁷³ Raymundo, R., "Refugees in Asia: A Human Rights Understanding." *Journal of FOCUS*, vol 4. (June 1996).

⁷⁴ Francis, A. & Maguire, R. *Protection of Refugees and Displaced Persons in the Asia Pacific Region*. (Burlington: Ashgate Publications, 2013).

⁷⁵ Plantilla, J. R., "Protecting Refugees, Asylum Seekers, Stateless People and Internally Displaced Persons in the Asia-Pacific." *Journal of FOCUS*, vol. 73, (September 2013).

⁷⁶ Hugo, G., "Asia and the Pacific on the Move: Workers and Refugees, a Challenge to Nation States." *Asia Pacific Viewpoint*, vol. 38, no. 3 (1997): 270.

pemerintah lebih mendominasi penambahan pelarian di rantau Asia.⁷⁷ Pada tahun 1980 hingga 2003 telah wujudnya fenomena pelarian secara besar-besaran dari negara seperti Afghanistan, Vietnam, Laos, Kemboja dan Selatan Filipina.⁷⁸ Kebanyakan golongan pelarian tersebut berjaya diselesaikan menerusi kepulangan semula ke negara asal dan juga penempatan ke negara ketiga.⁷⁹ Walau bagaimanapun, menurut Eva-Lotta Hedman⁸⁰ masih wujud sehingga ke hari ini masalah pelarian yang berasal daripada Myanmar. Hujahan ini selari dengan kajian Samuel Cheung⁸¹ dan informasi daripada UNHCR yang menyatakan situasi konflik di Myanmar menyebabkan masyarakatnya yang terdiri daripada pelbagai etnik seperti Karen, Kachin, Mon dan Rohingya telah menjadi orang pelarian sejak beberapa puluh tahun dahulu bagi mencari perlindungan daripada konflik etnik dan penganiayaan pemerintah. Pihak UNHCR juga bimbang mengenai kaedah kontemporari orang pelarian dari Myanmar khususnya etnik Rohingya yang sanggup menghadapi risiko dengan menggunakan jalan laut yang merbahaya untuk melarikan diri ke destinasi tertentu.⁸²

Berdasarkan sorotan karya mengenai masalah pelarian di peringkat antarabangsa, kajian mendapati hampir kesemua wilayah di seluruh dunia terdedah dengan masalah pelarian. Hal ini disebabkan berlakunya konflik bukan sahaja melibatkan antara negara, tetapi juga konflik yang berlangsung dalam sesebuah negara yang memaksa rakyat di

⁷⁷ Ramsbotham, O., Woodhouse, T. & Miall, H. *Contemporary Conflict Resolution: Third Edition*. (Cambridge: Polity Press, 2011), 70.

⁷⁸ Davies, S. E. *Legitimizing Rejection: International Refugee Law in Southeast Asia*. Netherlands: Martinus Nijhoff Publishers, 2008, hlm. 115.

⁷⁹ Kibreab, G., "On the Margin: Refugees, Migrants and Minorities." *Journal of Refugee Studies*, vol. 14, no. 3 (2001): 340.

⁸⁰ Hedman, E. L. *Refugees, IDPs, and Regional Security in the Asia Pacific*. (Canada: Council for Security Cooperation in the Asia Pacific, 2009), 34-39.

⁸¹ Cheung, S., "Migration Control and the Solutions Impasse in South and Southeast Asia: Implications from the Rohingya Experience." *Journal of Refugee Study*, vol. 25, no. 1. (2011): 59.

⁸² UNHCR, "2015 UNHCR Regional Operations Profile - Asia and the Pacific" UNHCR Asia. <http://www.unhcr.org/pages/4a02d8ec6.html> (Diakses 1 Mac 2015).

dalam sesebuah negara itu terpaksa lari ke destinasi tertentu demi menyelamatkan diri. Perbincangan sorotan karya ini diteruskan mengenai kajian yang pernah dilakukan dengan memberi tumpuan terhadap orang Rohingya dari segi faktor-faktor yang menyebabkan mereka menjadi pelarian dan keadaan hidup sebagai golongan pelarian di negara jiran.

1.3.2 Kehidupan Orang Rohingya Sebagai Pelarian

Kajian mengenai pelarian Rohingya telah dibahagikan kepada beberapa aspek oleh penyelidik terdahulu. Terdapat pengkaji yang memberi fokus mengenai punca-punca yang berlaku di Myanmar menyebabkan orang Rohingya menjadi pelarian. Antaranya ialah Lipi Ghosh⁸³, Syeda Naushin Parnini⁸⁴ dan Chan⁸⁵ yang menyatakan hak orang Rohingya dinafikan sebagai warganegara Myanmar disebabkan mereka dianggap sebagai golongan pendatang daripada wilayah Bangladesh. Manakala David A. Feingold⁸⁶ menyatakan punca utama orang Rohingya menjadi pelarian adalah apabila kerajaan tentera (junta) telah menggulingkan kerajaan sivil seterusnya mewujudkan undang-undang yang menafikan hak-hak orang Rohingya di Myanmar khususnya dalam isu kerakyatan. Seterusnya, Katelyn Nawoyski⁸⁷ menambah bahawa faktor lain yang menyebabkan orang Rohingya menjadi pelarian adalah disebabkan mereka mendapat tentangan dan penindasan daripada masyarakat lokal Myanmar yang beragama Buddha. Oleh sebab itu,

⁸³ Ghosh, L., "Minority, Polity and Governance in Myanmar: Dynamics of Changes. *India Quarterly. Journal of International Affairs*, vol. 64, no. 4 (2008): 45.

⁸⁴ Parnini, S. N., "The Crisis of the Rohingya as a Muslim Minority in Myanmar and Bilateral Relations with Bangladesh." *Journal of Muslim Minority Affairs*, vol. 33, no. 2 (2013): 290.

⁸⁵ Chan, A., "The Development of a Muslim Enclave in Arakan (Rakhine) State of Burma (Myanmar)." *SOAS Bulletin of Burma Research*, vol. 3, no. 2 (2005): 395.

⁸⁶ Feingold, D. A., "The Burmese Traffic-Jam Explored: Changing Dynamics and Ambiguous Reforms." *Journal of Cultural Dynamics*, vol. 25, no. 2 (2013): 217.

⁸⁷ Nawoyski, K. *Genocide Emergency in Rakhine*. (Virginia: The International Alliance to End Genocide, 2013).

Baladas Goshal⁸⁸ dan Penny Green⁸⁹ memberi takrifan bahawa orang Rohingya menjadi pelarian bukan sahaja disebabkan konflik di antara pemerintah, tetapi ia juga melibatkan konflik agama dan budaya dengan masyarakat Myanmar yang beragama Buddha. Sementara itu, Nehginpao Kipgen⁹⁰ telah mengenal pasti gelombang pelarian Rohingya secara besar-besaran ke Bangladesh merangkumi tiga waktu iaitu pada tahun 1978, 1982 dan 2012.⁹¹ Majoriti orang lari ke Bangladesh disebabkan ia berkongsi sempadan dengan negeri Rakhine di Myanmar yang menjadi tempat tinggal orang Rohingya.⁹²

Pelarian Rohingya yang lari Bangladesh secara lazimnya tinggal di kem-kem pelarian berhampiran sempadan antara Bangladesh dan Myanmar. Terdapat pengkaji dan pertubuhan antarabangsa yang telah melakukan kajian ke atas kehidupan pelarian Rohingya di kem-kem pelarian seperti Coutts⁹³, Human Rights Watch⁹⁴, Lewa⁹⁵, Pittaway⁹⁶ dan lain-lain. Misalnya Saiful Huq Omi⁹⁷ menggambarkan kem pelarian Rohingya di Bangladesh sebagai “*Life in the camps that house undocumented Rohingya refugees is damp, cruel, and crowded, a harsh existence with little food, no permission to work, no medical care, and no prospects for the future*”. Kehidupan pelarian Rohingya di

⁸⁸ Goshal, B., “Democratic Transition in Myanmar: Challenges Ahead.” *Journal of India Quarterly*, vol. 69, no. 2 (2013): 114.

⁸⁹ Green, P., “Islamophobia: Burma’s Racist Fault-Line.” *Institute of Race Relations*, vol. 55, no. 2 (2013): 93.

⁹⁰ Kipgen, N., “Addressing the Rohingya Problem.” *Journal of Asian and African Studies*, vol. 49, no. 2 (2014): 235.

⁹¹ Selepas tahun 2012, terdapat dua gelombang pelarian Rohingya telah terjadi iaitu pada tahun 2015 dan 2017.

⁹² Mathieson, D. S., “Plight of the Demand, Burma’s Rohingya. Global Asia.” *Journal of the East Asian Foundation*, vol. 4, no. 1. (2009): 90.

⁹³ Coutts, E. *The Rohingya refugee situation in Bangladesh (Senior project 2005)*. (Dhaka, Bangladesh: American International School, 2005).

⁹⁴ Human Rights Watch. *UNHCR, RRRC, and Relief Agencies, Dhaka and Cox’s Bazar*. (Dhaka, Bangladesh: Human Rights Watch, 1997).

⁹⁵ Lewa, C., “North Arakan: An Open Prison for the Rohingya in Burma.” *Forced Migration Review*, vol. 32. (2009): 11–13.

⁹⁶ Pittaway, E. *The Rohingya Refugees in Bangladesh: A failure of the International Protection Regime*. (England: Ashgate, 2008), 83–106.

⁹⁷ Omi, S. H. *Fleeing Burma*. (New York: World Policy Institute, 2011).

kem adalah daif disebabkan mereka mengalami kekurangan makanan yang berzat, pergerakan yang terbatas dan terdedah kepada risiko pemerdagangan orang.⁹⁸ Situasi ini dibuktikan dengan kajian oleh Akm Ahsan Ullah⁹⁹ dan Utpala Rahman¹⁰⁰ yang melaksanakan kajian pelarian Rohingya di kem-kem pelarian menggunakan kaedah kualitatif melalui temubual pelarian Rohingya yang berada di Cox Bazar. Beliau menyatakan keadaan di kem pelarian Rohingya adalah daif dan mereka terdedah kepada penganiayaan disebabkan kerajaan Bangladesh tidak mampu untuk menyediakan perlindungan dan keselamatan yang optimum terhadap mereka. Menurut Pia Prytz Phiri¹⁰¹ disebabkan tidak mampu menangani masalah pelarian Rohingya, kerajaan Bangladesh membenarkan pihak UNHCR dan pertubuhan antarabangsa membantu pelarian Rohingya yang ditempatkan di kem-kem. Hassan Faruk Al Imran dan Md. Nannu Mian¹⁰² menjelaskan terdapat usaha kerjasama antara kerajaan Bangladesh, Myanmar dan UNHCR untuk menyelesaikan masalah pelarian Rohingya melalui perundingan. Hasilnya, seramai 30,000 orang pelarian Rohingya berjaya kembali semula ke Myanmar. Tetapi, menurut Ahmed¹⁰³ lebih ramai orang Rohingya menjadi pelarian di tahun-tahun berikutnya disebabkan berlaku konflik etnik antara orang Rohingya dan penduduk tempatan yang beragama Buddha. Imtiaz Ahmed¹⁰⁴ menjelaskan walaupun Bangladesh merupakan negara utama yang menjadi destinasi pelarian Rohingya disebabkan lokasinya

⁹⁸ *Ibid.*,

⁹⁹ Ullah, A. A., "Rohingya Refugees to Bangladesh: Historical Exclusions and Contemporary Marginalization." *Journal of Immigrant & Refugee Studies*, vol. 9, no. 2 (2011): 144.

¹⁰⁰ Rahman, U., "The Rohingya Refugee: A Security Dilemma for Bangladesh." *Journal of Immigrant & Refugee Studies*, vol. 8, no. 2, (May 2010): 233-235.

¹⁰¹ Phiri, P. P., "Rohingyas and Refugee Status in Bangladesh." *Forced Migration Review*, vol. 30 (2008): 34-35.

¹⁰² Al Imran, H. F & Mian, M. N., "The Rohingya Refugees in Bangladesh: A Vulnerable Group in Law and Policy." *Journal of Studies in Social Sciences*, vol. 8, no. 2 (2014): 226-253.

¹⁰³ Ahmed, I. *The Plight of the Stateless Rohingyas*. (Dhaka: The University Press Limited, 2010).

¹⁰⁴ Ahmed, I. *The Plight of the Stateless Rohingyas Responses of the State Society and the International Community*. Dhaka: University Press Limited. 2011.

yang bersempadan dengan Myanmar, terdapat negara lain yang menjadi destinasi mereka iaitu Thailand.¹⁰⁵

Kajian yang dilakukan oleh pertubuhan antarabangsa iaitu Equal Rights Trust (ERT) membincangkan mengenai terdapat pelarian Rohingya yang menjadikan Thailand sebagai destinasi mereka. Nikki Ostrand¹⁰⁶ menjelaskan hal ini didorong oleh dua faktor utama iaitu disebabkan faktor geografi iaitu berkongsi sempadan dengan Myanmar dan pelarian Rohingya dibantu oleh agen-agen yang membawa mereka masuk ke Thailand.¹⁰⁷ Menurut laporan daripada Human Rights Watch, pelarian Rohingya memasuki Thailand melalui dua cara iaitu jalan darat dan jalan laut, namun jalan laut merupakan kaedah yang popular di kalangan pelarian Rohingya untuk lari meninggalkan Myanmar dan negeri Rakhine.¹⁰⁸ Sejak puluhan dahulu Thailand telah menjadi tumpuan bagi pelarian dari rantau Asia Tenggara seperti dari Kemboja, Laos dan Vietnam kesan daripada pergolakan politik dan konflik di negara asal mereka khusus antara tahun 1975 hingga tahun 1980-an.¹⁰⁹ Kini, Thailand juga menjadi destinasi oleh pelarian Rohingya dan juga pelarian Myanmar yang lain. Namun begitu, hak pelarian telah di nafikan oleh kerajaan Thailand kerana tidak mengiktiraf status ini dan pada masa yang sama tidak menjadi negara ahli kepada Konvensyen Pelarian 1951.¹¹⁰ Justeru, pelarian Rohingya dan lain-lain pelarian menerima ancaman dari aspek penganiayaan dan juga pencabulan hak asasi manusia di

¹⁰⁵ Brees, I., "Burden or Boon: The Impact of Burmese Refugees on Thailand." *The Whitehead Journal of Diplomacy and International Relations*, vol. 11, no. 1 (2010): 35.

¹⁰⁶ Ostrand, N. *The Stateless Rohingya in Thailand*. (New York: Center for Migration Studies, 2014).

¹⁰⁷ Equal Rights Trust. *The Human Rights of Stateless Rohingya in Thailand*. (London: The Equal Rights Trust, 2014), 5.

¹⁰⁸ Human Rights Watch. *Perilous Plight: Burma's Rohingya Take to the Seas*. (New York: Human Rights Watch, 2009).

¹⁰⁹ The Equal Rights Trust 2014, *op.cit.*, 13-15.

¹¹⁰ The Equal Rights Trust 2014, *op.cit.*, 16.

Thailand.¹¹¹ Menurut Jason Szep dan Stuart Grudgings¹¹², pelarian Rohingya terdedah kepada dua jenis ancaman. Pertama, ancaman daripada penguatkuasa Thailand yang menangkap dan menahan mereka di kem-kem tahanan serta menghantar mereka pulang semula ke Myanmar.¹¹³ Kedua, pelarian Rohingya terdedah dengan ancaman pemerdagangan dan penyeludupan oleh ejen-ejen di Thailand yang menjadikan mereka menjadi buruh paksa dalam sektor-sektor tertentu.¹¹⁴ Oleh sebab itu, kebanyakan pelarian Rohingya hanya menjadikan Thailand sebagai destinasi transit dan menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama mereka untuk menyelamatkan diri serta membina kehidupan yang baru.¹¹⁵

Berdasarkan situasi dan keadaan pelarian Rohingya yang melarikan diri ke Bangladesh dan Thailand, kajian mendapati bahawa ia bukan sahaja melibatkan konflik yang berlaku di dalam negara Myanmar akibat penganiayaan pemerintah dan diskriminasi penduduk tempatan terhadap orang Rohingya. Sebaliknya, menurut Sesay¹¹⁶ ia telah menjadi konflik dalaman yang memberi implikasi yang negatif terhadap negara lain. Situasi ini terjadi disebabkan konflik dalaman Myanmar ke atas orang Rohingya yang memaksa mereka menjadi pelarian ke negara jiran mahupun negara destinasi yang lain, lalu status orang Rohingya sebagai pelarian di negara destinasi telah mewujudkan situasi konflik antara pelarian Rohingya dan kerajaan di negara tersebut. Masalah ini menjadi

¹¹¹ Oh, S.A. *Burmese Refugees in Thailand: Should They Stay or Should They Go?* (Singapore: Institute of Southeast Asian Studies, 2014), 5-6.

¹¹² Szep, J. & Grudgings, S. *Authorities Implicated In Rohingya Smuggling Networks*. (London: Reuters International Report, 2014).

¹¹³ BBC News, "Thailand sends Rohingya Muslims back to Burma". BBC News Asia. <http://www.bbc.com/news/world-asia-26167676> (Diakses 13 Februari 2014).

¹¹⁴ Ostrand, N. *op.cit.*, 2014.

¹¹⁵ Szep, J & Grudgings, S. *op.cit.*, 2014.

¹¹⁶ Sesay, F. L. *Conflict in Neighbouring (Developing) Countries: Direct and Indirect Effects on Economic Growth*. (Munich: Ludwig Maximilian University, 2004).

kompleks disebabkan negara-negara yang menjadi destinasi pelarian Rohingya tidak mengiktiraf status mereka sebagai pelarian serta tidak menjadi negara ahli kepada Konvensyen Pelarian 1951. Seterusnya kajian ini akan memfokus terhadap kajian terdahulu melibatkan pelarian Rohingya dan lain-lain pelarian yang berada di Malaysia.

1.3.3 Pelarian Rohingya dan lain-lain Pelarian di Malaysia

Kajian ini memberi fokus kepada pelarian Rohingya termasuklah lain-lain pelarian yang berada di Malaysia kerana ia bertujuan membantu dalam mengetahui dan memahami kajian berkaitan pelarian yang pernah dilakukan di Malaysia. Seterusnya, berupaya mencari ruang kajian yang boleh dilakukan agar tidak mengulangi kajian terdahulu. Apabila membincangkan mengenai kajian pelarian di Malaysia, pelarian daripada selatan Filipina yang tinggal di Sabah telah menjadi pelopor kepada perkembangan kajian pelarian di Malaysia. Kajian ini telah dimulakan oleh Tengku Shamsul Bahrin dan Sothi Rachagan yang mengkaji dari perspektif dasar dan demografi pelarian Filipina yang berasal dari wilayah selatan negara itu.¹¹⁷ Seterusnya, kajian mengenai pelarian di Sabah khususnya pelarian yang berasal dari Selatan Filipina telah dikaji oleh penyelidik-penyelidik terkemudian daripada pelbagai aspek seperti Rafidah Karaman¹¹⁸, Azizah Kassim¹¹⁹, Ubong Imang¹²⁰, Halina Sendera¹²¹, Junaidi Laaruwa¹²² dari aspek sosiologi

¹¹⁷ Tengku Shamsul Bahrin & Sothi Rachagan. 1984, *op.cit.*,

¹¹⁸ Rafidah Karaman. *Etnografi Orang Pelarian Filipina di Sabah: Kajian Kes di Kampung Pondo, Pulau Gaya*. Latihan Ilmiah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1988.

¹¹⁹ Azizah Kassim. 2009, *op.cit.*,

¹²⁰ Ubong Imang & Azizah Kassim. *Orang Pelarian di Sabah: Status dan Prospek*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2005.

¹²¹ Halina Sendera. *Akultrasi Migran Filipina Generasi Pertama dan Kedua di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2003.

¹²² Junaidi Laaruwa. *Orang Pelarian di Kampung Selamat, Semporna: Satu Tinjauan Etnografi*. Latihan Ilmiah. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2005.

dan demografi serta etnografi. Kemudian, penyelidik seperti Mohamad Rosli Jambiri¹²³ dan Aizat Khairi¹²⁴ mengkaji mengenai peranan agensi kerajaan dan UNHCR dalam menangani isu pelarian di Sabah. Dalam perspektif yang lain, pengkaji seperti Kamarulzaman Askandar et. al.¹²⁵, Anne-Marie Hilsdon¹²⁶ dan Jong Lee Cho¹²⁷ pula mengkaji dari aspek hak asasi manusia dan reaksi penduduk Sabah terhadap kedatangan pelarian dari Selatan Filipina. Manakala pengkaji seperti Ramli Dollah et. al.¹²⁸, Wan Shawaluddin¹²⁹ dan Zulkiflie Hassan¹³⁰ memberi perhatian dari aspek politik dan keselamatan serta kesan kehidupan pelarian di Sabah. Kajian mendapati rentetan kajian pelarian Sabah mempunyai perkembangan dalam mengistilahkan pelarian tersebut. Misalnya, kajian awal daripada Bahrin dan Rachagan mengistilahkan pelarian di Sabah adalah sebagai pelarian Filipina. Kemudian, pengkaji seperti Azizah Kassim telah menambah istilah ini kepada pelarian Muslim dari Selatan Filipina berdasarkan situasi konflik yang berlaku di sana. Seterusnya pengkaji seperti Aizat Khairi memberi istilah baharu kepada golongan pelarian di Sabah sebagai pelarian Moro disebabkan faktor identiti dan sejarah mereka yang unik. Kajian mendapati situasi pelarian di Sabah dan

¹²³ Mohamad Rosli Jambiri. *The Role of Federal Task Force in Sabah/Labuan in Addressing the Issue of Stateless/Undocumented Children in Sabah* dalam Tenaganita, Acting Today for Tomorrow's Generation. Prosiding bertajuk Regional Conference on Stateless/Undocumented Children in Sabah 16-18 November 2005, Kota Kinabalu.

¹²⁴ Aizat Khairi. 2012, *op.cit*,

¹²⁵ Kamarulzaman Askandar. et. al. *Mapping and Analysing the Protection Situation of Unaccompanied and Separated Children in South East Asia: The Malaysian Case Study (Sabah)*. (Penang: Research and Education for Peace, Universiti Sains Malaysia, 2013).

¹²⁶ Hilsdon, A. M. *Migration and Human Rights: The Case of the Filipino Muslim Women in Sabah*. (Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2006), 405-416.

¹²⁷ Jong Lee Cho. *Pelarian Filipina dan Reaksi Penduduk Tempatan Terhadap Mereka: Kajian Kes di Penempatan Pelarian Telipok*. Latihan Ilmiah. (Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2002).

¹²⁸ Ramli Dollah. et. al., "Pendatang Filipina di Sabah: Satu Pemerhatian dari Sudut Keselamatan." *Jurnal JATI*, bil. 8 (Disember 2003): 217-220.

¹²⁹ Wan Shawaluddin & Ramli Dollah. *Pendatang dan Isu Keselamatan di Sabah*. (Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah, 2011).

¹³⁰ Zulkiflie Hassan, "Pendatang Filipina di Kampung Bakau, Lahad Datu, Sabah: Satu Kajian Sosio-Politik." Tesis Sarjana, Universiti Malaya, 1999.